

1. Apakah Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa adalah kad pembayaran yang dipautkan secara langsung kepada akaun simpanan atau semasa/-i perniagaan (CASA Perniagaan) iaitu BSN GIRO/-i Akaun Syarikat atau BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat atau BSN Akaun Semasa Asas-i.

Kad ini membolehkan pemilik perniagaan membuat pembelian di premis runcit atau dalam talian, membayar bil, serta mengeluarkan wang tunai bagi perbelanjaan berkaitan perniagaan menggunakan dana yang tersedia dalam baki akaun.

Melalui penggunaan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa, pemilik perniagaan dapat mengurus aliran tunai dengan lebih berkesan, memantau perbelanjaan secara masa nyata, dan memastikan pemisahan yang jelas antara perbelanjaan peribadi dan perniagaan.

2. Apakah manfaat menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa untuk saya atau perniagaan saya?

- Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa memudahkan urusan transaksi harian perniagaan anda dengan memberikan akses terus kepada baki dalam akaun perniagaan.
- Kad ini boleh digunakan untuk pelbagai jenis transaksi sama ada di dalam atau luar negara dan secara dalam talian di mana-mana peniaga yang menerima Visa, Visa payWave atau MyDebit.
- Transaksi tanpa sentuh bagi jumlah bawah RM250 tanpa memerlukan PIN.
- Pengeluaran wang tunai di ATM bank, ATM MEPS dan ATM antarabangsa yang memaparkan logo Visa PLUS.
- Pemantauan perbelanjaan dan pengurusan aliran tunai perniagaan secara masa nyata.

3. Siapakah yang layak memohon Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

- Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa ditawarkan kepada pemegang akaun simpanan atau semasa/-i perniagaan, sama ada pelanggan baharu atau sedia.
- Kelayakan adalah terhad kepada pemilik perniagaan milikan tunggal / penjaja (individu).
- Pemohon hendaklah mempunyai akaun perniagaan yang aktif, didaftarkan atas nama sendiri dengan pihak Bank dan semua dokumen yang diperlukan serta proses pengesahan hendaklah dilengkapkan semasa proses permohonan.
- Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa hanya terpakai bagi akaun yang dikendalikan di bawah syarat tandatangan "Singly".

4. Bagaimanakah untuk memohon Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa akan dikeluarkan semasa pembukaan akaun simpanan atau semasa/-i perniagaan dengan pihak Bank.

Bagi pemegang akaun simpanan atau semasa/-i perniagaan sedia ada, anda boleh memohon Kad Debit Perniagaan/-i dengan mengunjungi cawangan BSN terdekat. Sila lengkapkan borang permohonan dan bawa bersama MyKad serta Sijil Pendaftaran Perniagaan untuk tujuan pengesahan.

5. Berapa Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa akan dikeluarkan bagi satu akaun simpanan atau semasa/-i?

Hanya satu (1) Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa akan dikeluarkan untuk setiap akaun simpanan atau semasa/-i perniagaan.

6. Berapa lama masa yang diambil untuk memohon Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

Anda akan menerima Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa bersama pin dengan serta-merta apabila anda memohon di mana-mana cawangan BSN.

7. Apakah had transaksi saya?

<u>Jenis Transaksi</u>	<u>Had Asal</u>	<u>Had Maksimum</u>
Had Pengeluaran ATM	RM5,000	RM5,000 (Maksimum 4 transaksi sehari)
Had Pembelian Harian	RM10,000	RM10,000
Had Pembayaran Tanpa Sentuh	RM1,000 sehari Had Maksimum RM250 bagi setiap transaksi	Jumlah Transaksi Terkumpul Maksimum RM2,500 sehari

Anda boleh menetapkan had transaksi pilihan anda melalui ATM BSN atau di mana-mana cawangan BSN. Bagi pembayaran tanpa sentuh, anda juga boleh mengurangkan had atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana cawangan BSN.

8. Bagaimanakah saya boleh menyemak transaksi Kad Debit Perniagaan/-i saya?

Anda perlu mendaftar akaun dalam talian melalui laman sesawang BSNeBiz di www.bsnebiz.com.my untuk menyemak rekod transaksi anda.

9. Apakah ciri-ciri keselamatan dalam Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

- **Cip Pintar EMV:** Menggunakan teknologi cip pintar terkini untuk keselamatan yang lebih ketat.
- **Pin & Bayar:** Bermula 1 Julai 2017, semua urus niaga tempatan di Malaysia hanya dapat dijalankan dengan menggunakan PIN. Setiap transaksi mengandungi kod unik yang dijana oleh cip yang berubah dengan setiap pembelian, ini adalah untuk menghalang dari sebarang penipuan.
- **Visa payWave/MyDebit tanpa sentuh:** Kad ini tidak akan berpindah tangan ke pihak lain ketika membuat urus niaga, di mana dapat mengurangkan risiko penipuan.
- **Polisi Liabiliti Sifar Visa:** Melindungi anda daripada mana-mana pembelian yang tidak sah.
- **Penetapan Had Pembelian Harian:** Had pembelian harian ialah RM10,000. Anda boleh mengurangkan atau meningkatkan had ini di mana-mana ATM BSN atau di mana-mana cawangan BSN.
- **Had Pembayaran tanpa sentuh:** Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250 dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada maksimum RM2,500 dan tertakluk kepada Had Pembelian Harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana cawangan BSN.
- **Pemberitahuan SMS:** Pemberitahuan melalui SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit berdaftar anda untuk transaksi tertentu menggunakan kad.
- **Membeli-belah secara atas talian (online):** Ketika membuat pembayaran untuk pembelian atas talian, kod BOSS (BSN Online Secured Shopping) akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan BSN melalui SMS untuk anda memasukkan kod dan melengkapkan transaksi dengan selamat.

Nota: Sila pastikan anda mengemaskini nombor telefon bimbit terbaru anda di mana-mana cawangan BSN.

10. Di mana saya boleh menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa saya?

- **Untuk Pembelian Runcit:** Di jutaan rangkaian rakan niaga Visa dan myDebit di Malaysia atau di luar negara seperti kedai runcit, pasaraya, restoran, stesen petrol dan banyak lagi.
- **Untuk Pembelian Dalam Talian, Menerusi Pos dan Telefon:** Di laman web membeli belah di seluruh dunia termasuk pembelian menerusi pesanan pos atau telefon.
- **Untuk Transaksi ATM:** Di ATM BSN, ATM MEPs dan ATM luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.

11. Adakah saya perlu membayar apa-apa caj bila saya menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa bagi pembelian runcit atau atas talian?

Tiada caj bayaran atau yuran dikenakan oleh pihak bank kepada pelanggan bagi pembelian runcit atau atas talian menggunakan kad debit/-i Perniagaan BSN Visa.

12. Apakah itu Visa payWave dan MyDebit tanpa sentuh dan di mana saya boleh menggunakannya?

Kad Debit Perniagaan Visa BSN/-i dilengkapi dengan ciri pembayaran tanpa sentuh, membolehkan anda membuat transaksi dengan pantas dan mudah di cawangan runcit yang mengambil bahagian di dalam dan luar negara yang menerima Visa payWave atau MyDebit

Untuk transaksi di bawah RM250, anda hanya perlu menyentuh (tap) kad anda pada pembaca kad tanpa perlu memasukkan PIN atau menurunkan tandatangan.

Untuk transaksi RM250 dan ke atas, anda akan diminta untuk memasukkan PIN atau menandatangani resit jualan bagi tujuan pengesahan.

Berikut adalah cara ia berfungsi:

- i. Cari logo tanpa sentuh Visa payWave/ MyDebit di premis perniagaan yang mengambil bahagian.
- ii. Imbas Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda pada pembaca kad yang terjamin keselamatannya.
- iii. Alihkan kad anda setelah mendengar bunyi 'bip'.
- iv. Ambil barang belian anda dan selesai. Sila minta dari juruwang sekiranya anda perlukan resit.

13. Bolehkah saya menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa di luar negara?

Ya, anda boleh menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa di luar negara selepas mengaktifkan fungsi Transaksi Luar Negara sebelum perjalanan anda.

- Pengaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.
- Setelah diaktifkan, kad ini boleh digunakan untuk pembelian runcit di premis perniagaan yang menerima Visa di seluruh dunia.
- Anda juga boleh mengeluarkan wang tunai dari mana-mana ATM di luar negara yang memaparkan logo Visa PLUS.

14. Apa yang perlu saya lakukan jika Transaksi Pembelian Atas Talian ataupun Luar Negara tidak berjaya?

Anda perlu mengaktifkan fungsi Pembelian Atas Talian dan Fungsi Transaksi Luar Negara bagi membolehkan transaksi ataupun penggunaan tersebut dibenarkan. Pengaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

15. Adakah PIN yang sama digunakan untuk transaksi Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa di luar negara?

Ya, anda akan menggunakan PIN 6 digit yang sama. Bagi negara yang belum melaksanakan sistem PIN, tandatangan anda akan diperlukan untuk tujuan pengesahan semasa membuat pembayaran menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa.

16. Apa yang perlu saya lakukan jika terminal di luar negara hanya menerima PIN 4 digit?

Di sesetengah negara, terminal pembayaran mungkin hanya menerima PIN 4 digit. Jika ini berlaku, anda boleh:

- i. Meminta pihak peniaga meneruskan pembayaran menggunakan tandatangan; atau
- ii. Menggunakan kaedah pembayaran lain jika transaksi masih tidak dapat diproses.

17. Bolehkah saya menyahaktifkan fungsi Pembelian Atas Talian dan Transaksi Luar Negara?

Ya, anda boleh menyahaktifkan fungsi tersebut melalui:

- ATM BSN
- Pusat Perhubungan Pelanggan BSN
- Mana-mana cawangan BSN

18. Apabila anda menggunakan Kad Debit Perniagaan Visa BSN/-i untuk pembayaran di kiosk pam minyak (terminal luar), amaun pra-kebenaran (pre-authorisation) sebanyak RM200 akan ditolak buat sementara waktu daripada baki akaun anda.

- Sekatan sementara ini diperlukan bagi mengesahkan bahawa akaun anda mempunyai baki dana yang mencukupi sebelum transaksi selesai.
- Sebaik sahaja amaun transaksi sebenar minyak diproses oleh pihak peniaga, baki sekatan amaun tersebut akan dilepaskan secara automatik dalam tempoh 3 hari bekerja.
- Untuk mengelakkan sekatan pra-kebenaran RM200 ini, anda dinasihatkan untuk membuat pembayaran terus di kaunter juruwang di dalam stesen minyak.

19. Mengapa kadang-kadang transaksi Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa saya ditolak?

Antara sebab-sebab yang lazim termasuk:

- Baki yang tidak mencukupi di dalam akaun simpanan/semasa anda atau disebabkan oleh pegangan jumlah pra-kebenaran.
- Jumlah transaksi melebihi had pembelian harian.
- Jika transaksi atas talian/luar negara ditolak, berkemungkinan anda tidak mengaktifkan Fungsi Pembelian Atas Talian/Transaksi Luar Negara untuk Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda.

Untuk mengaktifkan fungsi ini, anda boleh melakukannya melalui ATM BSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

20. Apa perlu saya buat jika Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa saya hilang atau dicuri?

Anda perlu melaporkan kehilangan atau kecurian kad anda dengan segera melalui salah satu saluran berikut:

- Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di **+603-2613 1900**; atau
- Segera ke mana-mana cawangan BSN dan buat laporan.

21. Apakah tanggungjawab saya sebagai Ahli Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

- a) Anda hendaklah menandatangani di belakang Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa sebaik sahaja menerima Kad dan memenuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa.
- b) Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda dan melindungi Kad dan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) pada setiap masa. Ini termasuk yang berikut:
 - i. Tidak mendedahkan butiran Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda atau PIN kepada mana-mana orang lain.
 - ii. Tidak menulis PIN anda pada Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa atau pada mana-mana tempat dan menyimpannya bersama-sama dengan Kad.
 - iii. Tidak menggunakan tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon sebagai PIN anda.
 - iv. Tidak membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa dan PIN anda.
 - v. Jangan meninggalkan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda tanpa dijaga.
- c) Anda hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta selepas mendapati bahawa Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak dibenarkan telah berlaku atau PIN anda telah terdedah dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan

BSN atau membatalkan kad anda di mana-mana cawangan BSN.

- d) Anda hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta apabila menerima amaran transaksi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) jika urus niaga itu tidak diberi kuasa.
- e) Bank hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta tentang sebarang perubahan nombor telefon anda.
- f) Anda bertanggungjawab untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun sebelum melakukan urus niaga.
- g) Semak rekod transaksi anda dari semasa ke semasa melalui www.bsnebiz.com.my untuk memastikan urus niaga yang dilakukan adalah betul dan memberitahu kami secara bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh transaksi tersebut jika terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan. Jika tidak, transaksi tersebut akan dianggap sebagai tepat.
- h) Anda hendaklah menggunakan Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda dengan bertanggungjawab dan bukan untuk sebarang aktiviti haram atau menyalahi undang-undang termasuk menggunakan kad untuk transaksi perjudian atas talian dan menggunakan kad untuk membuat bayaran untuk transaksi yang tidak diluluskan oleh Syariah (untuk akaun berlandaskan Islam).

22. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Anda akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang berasaskan PIN, yang memerlukan pengesahan tandatangan atau menggunakan kad tanpa sentuhan jika anda telah melakukan penipuan dan gagal memenuhi tanggungjawab seperti di No. 21.

23. Adakah terdapat caj yang dikenakan oleh BSN untuk Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa?

Butiran	Caj/Yuran
Yuran Tahunan a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i <i>Nota: Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulang tahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad.</i>	RM8 RM8 Dikecualikan
Pengeluaran Kad Baru a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i	RM12 RM12 Dikecualikan
Pembaharuan Kad	Dikecualikan
Yuran Penggantian Kad ▪ Untuk kerosakan kad disebabkan kecuaihan Ahli Kad, hilang atau dicuri ▪ Cip kad rosak	RM12 Dikecualikan
Pengeluaran Tunai ATM Domestik ▪ ATM BSN ▪ ATM di Bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank Asing melalui MEPS (Berkuat kuasa 1 Julai 2026, yuran RM1 untuk Pengeluaran Tunai Antara Bank di semua Mesin	Dikecualikan RM1 setiap pengeluaran tunai RM1 setiap pengeluaran tunai

Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) di seluruh negara akan dikecualikan.) Antarabangsa ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS	RM12 setiap pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Dikecualikan
Rekod Transaksi (Bagi 2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian @ www.bsnebiz.com.my	Dikecualikan
Pemindahan Wang melalui ATM kepada bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi (bagi transaksi RM5,000 ke atas)
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan	RM15 setiap salinan
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit (Tarikh Kuat Kuasa 1 Julai 2022)	RM0.50 setiap transaksi di mana-mana rakan niaga/peruncit MyDebit terpilih. (Had pengeluaran sebanyak RM500 untuk setiap transaksi)
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA tambah yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit/-i Perniagaan BSN Visa anda adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

Maklumat yang terkandung di dalam Soalan-soalan Lazim ini adalah sah mulai Jun 2026.